

PROSIDING

Seminar
POLITIK MALAYSIA

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

PENTERJEMAHAN DEMOKRASI DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-12: SATU TINJAUAN KE ATAS BUDAYA POLITIK MASYARAKAT MELAYU KELANTAN

*Mohd. Mahadee Haji Ismail
Ab. Bassit Husin*

ABSTRAK

Makalah ini ditulis berdasarkan satu tinjauan khas yang dilakukan di seluruh Negeri Kelantan menjelang pilihan raya umum ke-12. Dua aspek utama yang diberikan perhatian khusus dalam melihat senario politik tanah air ini merangkumi penterjemahan unsur demokrasi dan perkembangan budaya politik masyarakat Melayu di Kelantan. Berdasarkan pilihan raya umum ke-12 yang lalu, wujud persaingan sengit antara Barisan Nasional (BN) dan PAS. BN berusaha untuk merampas kembali Kerajaan Negeri daripada tangan pemerintah PAS manakala PAS pula berusaha gigih dalam usaha mempertahankan kedudukan mereka di hati rakyat Kelantan. Pelbagai isu dan perkara telah dibangkitkan oleh kedua-dua pihak untuk menawan hati pengundi di Kelantan. Terdapat isu yang boleh dianggap bertentangan dengan demokrasi tetapi menjadi sebahagian daripada budaya politik masyarakat demi mencapai cita-cita politik mereka. Sesuatu yang lebih menarik, wujud sikap taksub terhadap parti sendiri dan prejudis terhadap parti lawan sehingga menimbulkan masalah kepada penduduk setempat. Namun begitu, soal penterjemahan demokrasi masih lagi tinggi. Masyarakat tempatan bebas untuk memilih calon yang lebih memahami kehendak mereka. Dalam pada itu, budaya politik masyarakat Melayu Kelantan yang agak unik dalam permainan politik tanah air menyebabkan keputusan yang mereka akan buat sukar untuk diramal.

PENGENALAN

Kelantan merupakan sebuah negeri majoriti Melayu mempunyai masyarakat yang cukup unik dalam aspek budaya politik. Berdasarkan generalisasi umum, ada pendapat yang menyatakan orang Kelantan cukup matang dalam berpolitik. Rakyat Kelantan dikatakan berfikiran terbuka, suka berdikari, bersifat pengembara dan berpegang kuat kepada nilai-nilai agama, budaya ketimuran dan adat-resam orang-orang Melayu. Oleh itu, untuk memahami budaya politik orang-orang Kelantan, adalah penting untuk kita memahami terlebih dahulu cara hidup dan pegangan orang-orang Kelantan. Antara faktor utama menyebabkan mereka bersifat sedemikian ialah kerana mereka tidak pernah dijajah secara total. Pada zaman penjajahan Inggeris, Kelantan sebagai salah sebuah Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu hanya menerima Penasihat British sahaja. Keadaan ini adalah penentu kebebasan dan kedaulatan orang-orang Kelantan sekiranya dibandingkan dengan negeri yang dijajah sepenuhnya oleh pihak Inggeris. Disebabkan faktor keterbukaan dan keunikan orang-orang Kelantan dalam hal-ehwal politik ini, kita dapat menyaksikan pertukaran kerajaan negeri yang lebih kerap daripada negeri-

negeri lain. Apa yang nyata, orang-orang Kelantan bukan hanya bermain politik tetapi mereka mencaturkan politik berdasarkan rentak dan haluan hidup mereka.

Dalam konteks demokrasi, penghayatan dan penterjemahannya agak ketara dalam budaya politik orang-orang Kelantan. Hal ini dapat dilihat melalui penentuan 'pihak mana' yang sepatutnya berhak menjadi pemerintah mereka. Mereka bebas memilih tanpa adanya ikatan yang jumud dengan mana-mana parti politik mahupun individu tertentu yang dikatakan berpengaruh dan sebagainya. Apa yang lebih menarik, percaturan politik di Kelantan memaparkan orang Melayu lawan Melayu. Di satu pihak menjadikan Islam sebagai asas bagi kekuatan budaya politik Melayu manakala di pihak yang satu lagi pula menjadikan bangsa Melayu sebagai asas kekuatan budaya politik Melayu. Daripada gambaran asas ini, orang Kelantan melihat kepentingan 'Islam' adalah lebih utama dari kepentingan 'Melayu'. Ini juga satu bentuk hak yang ditegakkan oleh orang-orang Kelantan di bawah sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara kita. Dan pegangan hak demokrasi ini seolah-olah sudah sehati dengan budaya politik orang-orang Kelantan.

DEMOKRASI: SOROTAN MAKNA DAN KONSEP

Dunia yang semakin mencabar kini menuntut pelbagai perubahan khususnya dalam konteks pemikiran dan penerimaan terhadap idealisme global. Idealisme demokrasi merupakan satu tuntutan dunia global kini yang cukup popular dan merupakan ideologi politik yang terbaik untuk diamalkan khususnya bagi sesebuah negara yang sedang berkembang maju. Dalam konteks perkembangan pemikiran dan perkembangan konsep hidup bermasyarakat, demokrasi boleh dianggap sebagai sebuah sistem politik yang terkandung di dalamnya 'idealisme sosio-politik' yang dapat memenuhi kehendak manusia umumnya. Idealisme ini berkembang mengikut peredaran masa dan tempat menyebabkan wujud pelbagai takrif, istilah dan pendekatan yang digunakan bagi menyesuaikan konsepnya dengan satu-satu keadaan. Bermula sejak perkembangan pemikiran Socrates di zaman Greek-Yunani hinggalah ke hari ini, idealisme demokrasi berkembang seiring dengan perkembangan konsep-konsep seperti 'negara-bangsa', keadilan sosial, masyarakat sivil, kapitalisme, modenisasi, industrialisasi, hak rakyat dan sebagainya. Kesemua konsep-konsep tersebut menjelaskan perkaitan hubungan yang amat rapat di antara penterjemahan demokrasi dengan kehidupan bermasyarakat khususnya dalam pemahaman masyarakat moden hari ini.

Asasnya konsep demokrasi dapat ditakrifkan sebagai sebuah negara atau kerajaan yang berpandukan atau bersumberkan kepada kehendak rakyat atau masyarakat terbanyak. Menurut Dahl (1992) demokrasi ialah satu sistem politik di mana anggotanya saling bergantung di antara satu sama lain, sebagai orang yang sama dari segi politik dan mereka itu bersama-sama berdaulat serta memiliki kemampuan dan sumber daya yang mereka perlukan demi untuk memerintah diri mereka sendiri. Dalam erti kata lain, demokrasi adalah sebuah sistem politik yang melibatkan masyarakat terbanyak dalam pembentukan kerajaan, memberi ruang yang luas kepada rakyat untuk menentukan bentuk negara mereka serta turut mengiktiraf hak dan memberi penghormatan yang tinggi terhadap keputusan rakyat. Dalam pada itu sekiranya diperhatikan, terdapat sarjana yang mentakrifkan demokrasi dalam konotasi yang agak ringkas sepertimana yang diketengahkan oleh Lively (1975) iaitu 'kerajaan rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat'. Gambaran ini menjelaskan bahawa pemerintah dan negara yang dibentuk berasaskan sistem demokrasi adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat bagi mencurahkan 'khidmat bakti' mereka dalam memastikan kehidupan masyarakat

terbanyak terpelihara dan terjamin. Konotasi yang sama turut digunakan oleh bekas Presiden Amerika Syarikat yang ke-16 iaitu Abraham Lincoln yang menegaskan demokrasi sebagai 'sebuah sistem politik dari rakyat dan untuk rakyat' (Bollen 1981). Pernyataan tersebut telah menimbulkan perdebatan dalam kalangan sarjana yang rata-rata bersetuju dengan konsep mudah yang diketengahkan oleh Abraham Lincoln dalam memahami takrifan demokrasi. Walau apapun penghujahan tentang konsep demokrasi, yang penting ialah demokrasi memberi keutamaan kepada masyarakat terbanyak.

Konsep demokrasi telah berkembang luas dalam peradaban manusia bukan sekadar dari segi pentakrifan semata-mata malah menyaksikan kewujudan pelbagai jenis demokrasi yang cuba disesuaikan dengan citarasa masyarakat terbanyak. Antara jenis demokrasi yang popular ialah demokrasi liberal, demokrasi proletar, demokrasi totalitarian, demokrasi rakyat, demokrasi terpimpin, demokrasi pluralis, demokrasi partisipatif, demokrasi sosial, demokrasi konsolidasi dan pelbagai lagi. Kewujudan pelbagai bentuk demokrasi ini menggambarkan bahawa tidak ada demokrasi unggul yang dapat disesuaikan dalam semua sistem politik. Falsafah dan ideologinya dijadikan asas pegangan tetapi dalam konteks pelaksanaan diubahsuai berdasarkan situasi-situasi tertentu supaya dapat menjaga hak masyarakat terbanyak dalam keadaan masyarakat yang semakin kompleks ini.

Pemahaman lanjut berkaitan dengan pentakrifan demokrasi dapat diperincikan melalui ciri-ciri utama yang menjadi tunjang ideologi ini seperti pilihanraya yang adil dan bebas, kebebasan bersuara, kebebasan media massa, kebebasan berorganisasi, pemerintahan berasaskan majoriti, hak minoriti di hormati, persamaan di sisi undang-undang, dan kebebasan kehakiman. Ciri-ciri demokrasi tersebut merupakan mekanisme yang digunakan dalam sesebuah sistem politik untuk memastikan kepentingan masyarakat terbanyak kekal terpelihara. Tanpa asas yang kukuh seperti ini, mungkin berlaku pencabulan terhadap masyarakat terbanyak khususnya dalam konteks penyalahgunaan kuasa, diskriminasi, kronisme, nepotisme dan pelbagai lagi. Apa yang lebih membimbangkan, pihak yang diberikan kuasa mampu memanipulasi keadaan yang akan memerangkap masyarakat terbanyak di antara konsep demokrasi dengan kehendak sebenar yang mungkin lebih idelistik. Sebagaimana yang diutarakan oleh Rosseau yang menyatakan 'manusia dilahirkan bebas tetapi di mana-mana dia di dalam belenggu' (Thambirajah 1979). Soal kebebasan rakyat tetap menjadi keutamaan di mana individu telah dikenal pasti sebagai 'pengamal' semulajadi kebebasan. Tanpa kebebasan, demokrasi akan 'tumpang'. Namun begitu, amalan kebebasan mestilah bersesuaian supaya membawa kesan yang positif kepada masyarakat terbanyak dan kepentingan negara.

BUDAYA POLITIK: PENTAKRIFAN DAN KONSEP

Persoalan budaya politik adalah suatu persoalan yang membincangkan sikap dan orientasi psikobudaya sesebuah masyarakat terhadap politik. Asasnya budaya politik melihat sesebuah masyarakat dari pelbagai sudut dan pandangan seperti pandangan terhadap pemerintahan, pandangan masyarakat terhadap sistem politik, pandangan terhadap kepimpinan dan pandangan-pandangan serta reaksi masyarakat terhadap unsur-unsur atau hal-hal yang berkait-rapat dengan politik. Semua aspek budaya politik ini boleh berubah mengikut kepelbagaian dimensi dan pengalaman yang dilalui oleh sesebuah masyarakat.

Kebanyakan sarjana yang membuat kajian mengenai persoalan ini cuba untuk menggambarkan bentuk budaya politik sesebuah masyarakat dengan membuat perbandingan budaya politik sebuah

masyarakat yang lain. Diamond (1993) menegaskan bahawa kebanyakan perbincangan di kalangan sarjana berkisar kepada,

...countries do differ significantly in their patterns of politically relevant beliefs, values, and attitudes, and that within countries these elements of political culture are clearly shaped by life experiences, education and social class (Diamond 1993: 1).

Kajian mengenai budaya politik telah dipelopori oleh Almond dan Verba yang melakukan kajian mengenai tingkahlaku politik dan demokrasi di lima buah negara iaitu di Britain, Amerika Syarikat, Jerman, Itali dan Mexico. Lipset¹ (1981) yang telah melakukan kajian mengenai hubungan di antara pembangunan ekonomi dan demokrasi pada tahun 1950-an mendapati bahawa hubungan ini merupakan satu rangkuman elemen-elemen yang terdiri daripada kepercayaan politik, sikap dan nilai dalam budaya politik. Kesenambungan daripada kajian Lipset ini telah diteruskan oleh Inkeles dan Diamond² (1980) yang melakukan kajian dalam tahun 1980-an. Kemudian Inglehart³ (1990) pula telah memperlihatkan bahawa kepuasan hidup, kepercayaan diri dan penolakan terhadap perubahan adalah unsur yang berkait rapat bukan sahaja dengan pembangunan ekonomi malahan juga dengan pendemokrasian, dan budaya politik sebegini merupakan hubungan penting antara pembangunan ekonomi dan demokrasi. Umumnya, kebanyakan sarjana mengaitkan hubungan antara pembangunan ekonomi dan demokrasi di dalam mengkaji budaya politik sesebuah masyarakat. Pembangunan ekonomi dan demokrasi dilihat sebagai unsur penting yang membawa kepada perubahan di dalam budaya politik sesebuah masyarakat.

Sejak dari kajian *The Civic Culture* yang dilakukan oleh Almond dan Verba (1963) sehinggalah kini, para sarjana memaparkan pelbagai faktor yang membawa kepada perubahan di dalam budaya politik sesebuah masyarakat. Dalam *The Civic Culture*, Almond dan Verba menjelaskan bahawa,

...the cognitive, attitudinal, can change quite dramatically in response to regime performance, and evaluational dimensions of political culture are fairly "plastic" and historical experience, and political socialization (1963: 23).

Apa yang nyata, budaya politik itu adalah satu unsur yang berubah-ubah. Terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi perubahan di dalam budaya politik. Proses pendemokrasian adalah faktor utama yang boleh membawa perubahan di dalam budaya politik masyarakat dunia di samping faktor-faktor lain yang saling mempengaruhi.

Dari aspek budaya politik masyarakat, berlaku perubahan paradigma di mana sebilangan besar masyarakat Melayu yang selama ini menganggap "persoalan politik terserah kepada orang politik" kini sudah tidak berlaku lagi (Mohamad Daud 1999: 11). Hari ini masyarakat Melayu daripada pelbagai status dan lapisan memperlihatkan kecenderungan mereka untuk mengetahui dan ada di kalangan mereka yang berkecenderungan untuk menguasai dunia politik yang melingkari kehidupan mereka. Menyedari perubahan⁴ (perubahan pandangan) mendadak sesetengah orang Melayu akhir-akhir ini, tinjauan secara khusus perlu diketengahkan. Gejala yang menguasai minda masyarakat Melayu, dalam meneliti sikap dan pemikiran politik masyarakat Melayu, sudah tentu mempunyai perkaitan dengan pelbagai unsur yang saling mendukung meliputi struktur politik, komunikasi politik, pemikiran politik, kebudayaan politik, dan unsur-unsur politik yang lain. Daripada kepelbagaian unsur politik yang diketengahkan, sewajarnya ditinjau dimensi budaya politik di dalam mengkaji

perubahan politik kerana pola pembentukan sikap dan pemikiran politik masyarakat Melayu sukar dipisahkan dari sudut pandangan budaya Melayu. Andaian ini adalah berdasarkan kepada cara hidup masyarakat Melayu sendiri sebagai pembentuk dan sekali gus pendukung nilai kebudayaan yang melingkarinya.

POLITIK KELANTAN: SOROTAN SEJARAH DAN PERKEMBANGANNYA

Ragam pemikiran politik orang Kelantan terlalu banyak recahnya yang agak sukar untuk diinterpretasi dengan kaca mata kasar. Keunikan dan kematangan mereka dalam politik amat berkait rapat dengan struktur masyarakatnya yang homogen dan mempunyai tradisi keagamaan yang kuat. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya orang Kelantan kuat berpolitik. Malah tidak keterlaluan dikatakan politik sudah sehati dengan jiwa orang-orang Kelantan. Ini jelas dapat dilihat bahawa orang Kelantan sudah beberapa kali menukar bentuk kerajaan mereka. Dalam pilihan raya pra-merdeka pada 27 Julai 1955, Parti Perikatan telah diberi mandat penuh untuk mentadbir Kelantan sehingga tahun 1959. Tetapi dalam pilihan raya pertama selepas merdeka pada Ogos 1959, PAS pula telah diberi mandat untuk menerajui kerajaan Kelantan apabila menang besar, iaitu 28 kerusi daripada 30 kerusi yang dipertandingkan. Sejak dari itu PAS berjaya memerintah Kelantan selama 18 tahun dari tahun 1959 sehingga ke tahun 1978.

Namun begitu, buat beberapa ketika kerajaan campuran PAS-Barisan Nasional telah diberi mandat untuk memerintah Kelantan dari tahun 1974 sehingga tahun 1976 yang menang dengan undi popular sebanyak 75%. Keadaan ini menunjukkan bahawa orang Kelantan boleh menerima mana-mana parti untuk memerintah mereka, asalkan kebajikan mereka tetap terjaga tidak kira PAS atau Barisan Nasional. Walaupun pada ketika itu kerajaan campuran terbentuk, hakikatnya PAS menguasai pentadbiran kerajaan negeri di mana semua jawatan utama kerajaan di isi oleh para pemimpin PAS. Apabila keluar dari Barisan Nasional pada tahun 1976, PAS kembali memerintah Kelantan secara bersendirian sehingga tahun 1978. Semasa Kelantan berada di bawah pemerintahan PAS ini, pelbagai perubahan sosio-politik dapat dilihat khususnya apabila Kelantan telah dijadikan pusat bagi gerakan Islam.

Dalam pilihan raya negeri yang diadakan secara berasingan pada 11 Mac 1978, orang-orang Kelantan telah menukar kerajaan dari PAS kepada Barisan Nasional. Kemerosotan pengaruh PAS pada ketika itu adalah kerana krisis politik pada tahun 1977 yang menyebabkan rakyat bangkit merusuh dan menentang kerajaan PAS. Kekecohan yang berlaku tersebut menyebabkan Kelantan diletakkan bawah undang-undang darurat sehinggalah pilihan raya dijalankan. Barisan Nasional berjaya memerintah Kelantan selama 12 tahun sehingga tahun 1990. Semasa Kelantan berada di bawah kerajaan Barisan Nasional, sekali lagi berlaku perubahan besar khususnya dalam konteks pembangunan ekonomi di mana banyak projek pembangunan dilaksanakan. Pembangunan yang agak pesat ini turut mencorak dan mempengaruhi perubahan budaya politik orang-orang Kelantan.

Pada tahun 1990, PAS kembali menawan Kelantan hasil kerjasama dengan Parti Semangat 46 di bawah Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Kemenangan besar APU ini sekali lagi memberi kesan kepada senario budaya politik Kelantan. Kerajaan APU melaksanakan pelbagai bentuk program drastik seperti mengharamkan kegiatan judi, nombor ekor dan menjual arak kepada orang beragama Islam (Agus 1995). Dengan kata lain, kerajaan PAS kembali memantapkan program Islamisasinya

bagi merealisasikan perjuangan parti ke arah penubuhan negara Islam. Selepas Parti Semangat 46 dibubarkan pada bulan Mei 1996, PAS terus menerajui Kelantan sehingga kini walaupun sokongan pada kerajaan PAS agak merosot pada pilihan raya umum tahun 1999 dan kritikal pada tahun 2004. Pada tahun 2004, PAS hanya mampu membentuk kerajaan dengan majoriti mudah dengan perbezaan tiga kerusi setelah memenangi 24 daripada 45 kerusi yang dipertandingkan, manakala 21 kerusi dipegang oleh Barisan Nasional. Kemudian setelah Adun Pengkalan Pasir meninggal dunia, Barisan Nasional berjaya menawan kerusi Pengkalan Pasir melalui pilihan raya kecil yang diadakan pada 6 Disember 2005. Kedudukan kerajaan PAS pada ketika itu semakin tersepit dengan hanya memegang 23 kerusi dan Barisan Nasional 22 kerusi. Perbezaan yang terlalu kecil hanya satu kerusi sahaja.

Berdasarkan kepada perkembangan pilihan raya umum ke-11 tahun 2004, kedudukan PAS dilihat semakin tergugat dan pengaruhnya semakin merosot. Hal ini kerana banyak isu kemunduran dan kemiskinan telah dibangkitkan khususnya oleh pihak Barisan Nasional. Banyak pihak beranggapan bahawa pada pilihan raya umum ke-12 tahun 2008 ini, orang-orang Kelantan akan menukar kerajaan PAS yang dikatakan tidak mampu membawa pembangunan kepada kerajaan Barisan Nasional demi membawa kemajuan di Kelantan. Tetapi apa yang berlaku jauh dari jangkauan, malah kerajaan PAS telah berjaya memperkukuhkan kedudukan mereka di Kelantan bersama Pakatan Rakyat.

Dari segi sejarah politik, PAS dan Barisan Nasional khususnya UMNO merupakan dua parti yang mendominasi fahaman politik orang Kelantan. Ini menyebabkan kelahiran parti-parti lain tidak mendapat sokongan yang jitu. Walaupun ada sokongan tetapi hanya dalam bilangan yang kecil sahaja. Sebagai contoh, sokongan kepada Parti BERJASA, HAMIM dan AKIM termasuklah sokongan pada Parti Semangat 46 mahupun Parti Keadilan adalah pada tahap yang kurang memberangsangkan. Orang-orang Kelantan hanya melihat dua parti utama yang setakat ini layak memerintah mereka samaada PAS atau UMNO. Itupun bergantung pada perkembangan semasa. Meskipun begitu, prinsip demokrasi di negara ini memberikan hak dan kebebasan kepada orang Kelantan bagi menentukan kuasa politik dan bentuk pemerintahan di negeri mereka.

PENTERJEMAHAN DEMOKRASI: TINJAUAN KE ATAS BUDAYA POLITIK MASYARAKAT MELAYU KELANTAN

Penulisan artikel ini adalah berdasarkan kepada pemerhatian ikut serta yang dijalankan menjelang pilihan raya umum ke-12 lalu. Lawatan ke beberapa markas-markas parti dan pos-pos panas telah dilakukan bagi melihat perkembangan semasa yang berlaku serta isu-isu yang dimainkan oleh pihak yang bertanding dalam pilihan raya. Dalam pada itu, penulis juga berkesempatan menghadiri beberapa ceramah-ceramah politik dan kempen-kempen pilihan raya. Pada masa yang sama temubual bersemuka turut dijalankan bagi mendapatkan gambaran sebenar terhadap sesuatu isu yang diketengahkan. Pemerhatian khusus terhadap penghayatan elemen-elemen demokrasi telah diberikan keutamaan.

Oleh yang demikian, perbincangan aspek penterjemahan demokrasi dalam budaya politik masyarakat Melayu di negeri Kelantan ini memfokuskan kepada ciri-ciri atau prinsip demokrasi dalam perjalanan pilihan raya umum ke-12. Elemen utama yang menjadi pokok perbincangan ialah kebebasan, penyertaan rakyat dalam proses pilihan raya, peratusan pengundi keluar mengundi dan isu-isu yang diketengahkan dalam memancing sokongan terhadap parti-parti yang bertanding dalam

pilihan raya umum lalu. Elemen-elemen ini begitu terserlah dalam budaya politik masyarakat Melayu di Kelantan.

Dalam demokrasi, semua orang adalah berhak untuk bersuara, mengeluarkan pendapat, buah fikiran serta berinteraksi antara satu sama lain selagi mana tidak menjejaskan keharmonian negara. Hak menyuarakan sesuatu itu adalah menjadi hak individu dan tidak ada sesiapa yang boleh menyekat hak tersebut. Namun begitu dalam konteks perundangan di Malaysia, terdapat sekatan terhadap kebebasan bersuara ini bertujuan untuk 'menjaga' dan 'menjamin' kesejahteraan seluruh rakyatnya. Tindakan ini wajar memandangkan masyarakat di Malaysia terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Sekiranya ada pihak yang menimbulkan provokasi mahupun menghasut untuk memecah-belahkan masyarakat, tindakan undang-undang boleh diambil demi ketenteraman awam. Perkara ini dilihat menjejaskan demokrasi dan perbuatan menghasut yang boleh menjejaskan ketenteraman awam juga melanggar etika demokrasi. Walaupun terdapat sekatan dan kawalan tertentu terhadap kebebasan bersuara di negara ini, akan tetapi hak ini masih lagi luas di mana sesiapa sahaja boleh melahirkan pandangan, kritikan, buah fikiran selagi mana tidak mengganggu gugat kedamaian bersama.

Dalam pilihan raya umum ke-12 lalu, hak untuk melahirkan pendapat, pandangan dan kritikan dengan bebas ini agak ketara dalam budaya politik masyarakat Melayu di Kelantan. Keadaan ini jelas kelihatan dalam kempen-kempen pilihan raya dan ceramah-ceramah politik tidak kira dari pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang. Kedua-dua pihak nampaknya melontarkan pelbagai isu yang cuba menjatuhkan imej dan memberi perspektif yang kurang baik pada pihak lawan dalam mempengaruhi masyarakat terbanyak. Kadang-kadang isu yang diketengahkan tersebut sengaja untuk menyakiti hati pihak lawan dengan kutukan-kutukan yang buruk, sindiran-sindiran yang tajam dan pedas, ejekan yang terlampau, dan ada yang membuat serangan bersifat peribadi. Penulis yang mendengar ceramah tersebut pun merasakan kempen bersifat demikian adalah tidak sewajarnya diucapkan dalam khalayak ramai memandangkan ia lebih bersifat tohmahan yang tidak pasti kebenarannya. Perkara ini dilihat satu benda yang biasa bagi orang politik namun dalam keadaan-keadaan tertentu ia boleh menimbulkan aib orang lain. Memandangkan kebebasan bersuara itu adalah elemen demokrasi yang menjadi hak individu, maka ia digunakan sepenuhnya untuk mencapai cita-cita politik pihak tertentu.

Apa yang lebih menarik, ceramah-ceramah politik ini biasanya diadakan sebelah-menyebelah dengan markas parti lawan oleh kerana kedudukan markas-markas parti yang berhampiran antara satu sama lain. Jadi, orang yang mendengar ceramah tersebut bukan hanya penyokong-penyokong mereka sahaja malah penyokong-penyokong parti lawan yang berada di markas bersebelahan. Maka segala mesej yang hendak disampaikan itu jelas boleh didengar oleh pihak lawan. Seandainya malam ini pihak PAS membuat ceramah di kawasan A dengan melemparkan pelbagai isu dan tohmahan, malam berikutnya pula pihak Barisan Nasional akan membuat ceramah di tempat yang sama bagi menjawab segala persoalan yang dilemparkan pada malam sebelumnya. Begitulah sebaliknya yang berlaku di antara kedua-dua pihak yang memanipulasi sepenuh kebebasan bersuara dalam penginterpretasian budaya politik mereka. Mereka tidak mahu kalah dalam perdebatan atau persaingan ini dan cuba menegakkan yang mereka adalah di pihak yang benar. Keadaan ini sememangnya menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat terbanyak. Bentuk perdebatan atau persaingan cara ini dilihat seolah-olah menjadi satu trend baharu dalam budaya politik orang-orang Kelantan. Mereka tidak berdebat atau berhujah secara bersemuka dan berhadapan tetapi berdebat dengan cara

'jarak jauh'. Hakikatnya, cara yang digunakan tersebut nampaknya lebih profesional dan selamat sekiranya dibandingkan dengan cara bersemuka. Isu-isu yang dikemukakan memang akan menyakitkan hati pihak lawan yang berkemungkinan besar akan menimbulkan pergaduhan dan kekecohan sekiranya tidak dikawal dengan betul. Bagi orang politik pula tidak kira di pihak mana sekalipun, mereka tetap tidak akan mengalah kepada pihak lawan.

Soal kebebasan bersuara tidak hanya dipraktikkan sepenuh oleh orang-orang politik sahaja malah turut dipraktis oleh masyarakat terbanyak. Hal ini jelas kelihatan dalam konteks perbualan harian di kedai-kedai kopi, warung dan juga tempat-tempat awam. Oleh kerana orang-orang Kelantan kuat berpolitik, maka mereka sentiasa turut memperdebatkan pelbagai isu dan pandangan sesama mereka sendiri. Yang menghairankan, mereka ini nampak profesional kerana dapat membahaskan isu-isu sensitif dalam keadaan emosi yang terkawal walaupun ada cubaan untuk melemparkan sindiran pedas dan menyakitkan. Mereka tidak mudah marah mahupun meninggalkan tempat tersebut apabila tidak mampu berhujah atau mematahkan hujah pihak yang satu lagi, malah ada yang masih setia mendengar walaupun dalam keadaan 'sakit hati'. Gambaran ini menunjukkan sifat keterbukaan dalam budaya politik masyarakat Melayu Kelantan.

Demokrasi menekankan kebebasan individu untuk berorganisasi, berpolitik mahupun menyokong mana-mana pihak yang mereka sukai. Dengan kata lain, setiap individu mempunyai kebebasan yang luas untuk berpolitik. Hak inilah yang diterjemahkan sepenuhnya dalam budaya politik orang-orang Melayu di Kelantan. Mereka tidak lagi takut mahupun cuba berselindung daripada menyokong pihak yang dipercayai dapat membela kebajikan dan kepentingan mereka. Sekiranya suatu ketika dahulu, masyarakat terbanyak tidak mahu menunjukkan pendirian ataupun sokongan sebenar mereka khususnya apabila mereka memihak pada parti pembangkang. Mereka tidak mahu masyarakat melabelkan diri mereka sebagai 'itu orang kuat PAS', 'itu orang kuat UMNO' dan sebagainya. Namun begitu, menjelang pilihan raya umum ke-12 lalu, didapati budaya politik berselindung ini sudah berubah secara drastiknya dan orang-orang Kelantan mula menunjukkan pendirian mereka dalam berpolitik. Mereka secara terang-terangan menunjukkan sokongan mereka terhadap pihak yang mereka sukai. Hal ini jelas kelihatan di mana anak-anak muda dengan beraninya melekatkan logo atau bendera parti politik yang mereka sukai pada rumah atau kenderaan mereka sebagai tanda sokongan padu. Mereka juga tidak segan silu memakai baju mahupun lencana parti politik yang mereka minati. Sekiranya diperdebatkan, sejak dahulu lagi memang sudah ada anak-anak muda yang membawa bendera, menampal pelekat parti mahupun memakai baju parti politik yang mereka gemari, tetapi tidak meluas sepertimana pada pilihan raya umum ke-12 lalu. Mereka dilihat cukup ghairah dan bangga apabila masyarakat melabelkan mereka sebagai 'orang kuat' sesebuah parti politik. Mereka tidak lagi kisah sekiranya di anak-tirikan oleh mana-mana pihak. Sebagai contoh, suatu ketika dahulu anak-anak muda ini menunjukkan sokongan mereka secara berselindung kerana khatir tidak mendapat biasiswa, peluang pekerjaan, ditukar tempat kerja ke kawasan pedalaman, atau apa-apa bentuk bantuan dari pihak kerajaan pusat khususnya. Tetapi pada hari ini, mereka lebih memahami idealisme demokrasi yang mana menjadi hak mereka. Perkembangan ini cukup menarik dalam perkembangan budaya politik orang Melayu di Kelantan.

Satu perkara lagi yang menarik untuk diperbincangkan dalam konteks kebebasan berpolitik ialah golongan muda yang bekerja di luar Kelantan. Dalam perjalanan kembali ke Kuala Lumpur sehari sebelum hari pengundian, penulis telah berselisih dengan ribuan kereta yang kebanyakannya anak muda dari Kelantan dalam perjalanan pulang untuk mengundi. Apa yang menarik, hampir

majoriti kereta membawa atau melekatkan bendera parti politik pada kenderaan mereka. Berasaskan pemerhatian dan perkiraan yang dibuat, daripada sepuluh buah kereta, hanya sebuah kereta sahaja yang mengibarkan bendera Barisan Nasional, sembilan buah kereta lagi mengibarkan bendera PAS dan sekali sekala terdapat bendera Parti Keadilan. Oleh itu tidak keterlaluan dikatakan bahawa kebanyakan mereka ini balik ke Kelantan untuk mengundi PAS. Itu yang nyata pada pengamatan penulis. Golongan ini juga tidak lagi takut untuk menunjukkan siapa yang mereka sokong. Mereka tidak lagi takut dengan indoktrinasi parti pemerintah yang dikatakan membelenggu mereka sebelum ini. Ini adalah satu lagi bentuk penterjemahan demokrasi dalam budaya politik masyarakat Melayu Kelantan.

Sebelum ini masyarakat terbanyak 'ditakutkan' dengan indoktrinasi parti pemerintah dengan amaran bahawa sekiranya mereka bertindak menyokong parti pembangkang, hanya akan mengundang kekacauan politik antara kaum dan menimbulkan pelbagai bentuk kekecohan. Pada masa yang sama segala bentuk pembangunan tidak boleh dilaksanakan dan pelbagai lagi bentuk indoktrinasi politik dilemparkan. Dalam konteks ini, parti Barisan Nasional mampu untuk menarik sokongan politik dari masyarakat terbanyak. Namun itu dahulu, pada hari ini masyarakat terbanyak kebanyakannya tidak lagi kisah dengan indoktrinasi parti pemerintah tersebut kerana mereka sudah tahu hak mereka dalam sebuah sistem politik yang demokrasi. Keadaan ini juga boleh dikaitkan dengan proses pembentukan masyarakat sivil Malaysia hari ini.

Dari segi penyertaan rakyat dalam proses pilihan raya, orang-orang Kelantan tidak lagi menjadi pemerhati semata-mata, malah mereka dilihat lebih agresif dan melibatkan diri dengan lebih serius dalam berpolitik. Keadaan ini menjelaskan bahawa budaya politik orang-orang Kelantan bersifat 'partisipan'. Almond dan Verba (1989) menegaskan bahawa budaya politik partisipan adalah budaya yang memiliki anggota yang rata-ratanya aktif di dalam pelbagai aspek yang melibatkan politik masyarakat tersebut. Masyarakat mengkritik ketidaksempurnaan, mahupun menerima atau menghargai output yang diberikan.

Penyertaan politik oleh rakyat adalah sifat utama yang mesti wujud pada sesebuah negara demokrasi. Penyertaan rakyat boleh dimanifestasikan dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Secara formalnya penyertaan rakyat di gambarkan melalui proses penyertaan dalam kempen pilihan raya kepada mana-mana calon yang bertanding serta menjadi 'orang kuat' kepada sesebuah parti politik. Apa yang lebih utama ialah rakyat membuat pembuangan undi bagi menentukan pilihan yang terbaik. Ini merupakan salah satu daripada penyertaan masyarakat terbanyak yang penting khususnya dalam usaha mewujudkan pemerintahan yang dipersetujui ramai untuk mengekalkan sebuah kerajaan demokrasi. Dengan kata lain seseorang itu melahirkan keinginan, hasrat dan kepentingan mereka apabila membuang undi. Dari perspektif lain pula, rakyat turut terlibat di dalam proses pemilihan kepimpinan kerajaan.

Ditinjau dari budaya politik orang-orang Kelantan, sebahagian besar rakyatnya 'turun padang' (*grass roots*) tidak kira tua ataupun muda, kecil mahupun besar, lelaki ataupun perempuan, miskin mahupun kaya. Apa dibincangkan bukanlah 'orang kuat parti' seperti Ketua Cawangan, AJK Cawangan, AJK Bahagian, wakil calon dan sebagainya. Orang-orang ini memang sudah menjadi tugas dan gelanggang bidang kuasa mereka. Tetapi yang dimaksudkan ialah masyarakat terbanyak yang tidak memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik mahupun menjadi ahli. Mereka ini orang biasa dan ada di antara mereka yang dilabelkan sebagai 'orang atas pagar'. Mereka mengunjungi

markas-markas parti politik dan pos-pos panas sebagai tanda sokongan terhadap parti atau calon pilihan mereka. Ada di kalangan mereka yang membantu menjalankan kerja-kerja parti di pos-pos panas seperti menggantung poster, *banner*, *bunting* dan sebagainya. Ada pula yang datang untuk hanya melepak, bersebang politik, menonton tayangan ceramah politik, datang untuk minum dan makan makanan percuma yang disediakan, serta ada yang sengaja untuk mendapatkan maklumat sebelum mereka membuang undi. Kebiasaannya mereka akan mengunjungi markas-markas dan pos-pos panas parti yang mereka minati.

Apa yang lebih menarik, terdapat orang-orang tertentu yang tidak menjadi ahli mana-mana parti politik datang untuk membantu secara sukarela menjalankan kerja-kerja kempen di pos-pos panas. Keadaan ini menjelaskan bahawa bentuk budaya politik partisipan ini adalah berdasarkan kepada semangat yang berkobar-kobar untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik. Perkara ini berlaku di beberapa buah pos panas PAS semasa tinjauan dijalankan. Bentuk penyertaan politik sebegini menggambarkan wujudnya kebebasan individu dalam sebuah sistem demokrasi. Apabila mereka boleh melibatkan diri tanpa rasa takut, risau dan segan, mereka akan mendapat kepuasan sendiri dan dapat menghayati hak serta pilihan mereka. Inilah salah satu bentuk penterjemahan demokrasi dalam budaya politik masyarakat Melayu Kelantan.

Peratusan pengundi keluar mengundi dalam pilihan raya umum ke-12 lalu juga menunjukkan penglibatan masyarakat terbanyak yang semakin serius dari aspek penterjemahan demokrasi dalam budaya politik masyarakat Melayu di Kelantan. Hal ini jelas kelihatan di mana masyarakat terbanyak telah menunaikan tanggungjawab mereka di sebuah negara demokrasi dalam penentuan dan pemilihan calon bagi membentuk kerajaan. Mereka tahu hak mereka untuk mengundi dan memilih calon pilihan mereka. Namun begitu, terdapat sebahagian kecil yang mengambil pendekatan untuk tidak mahu mengundi kerana mereka tahu memilih untuk tidak mengundi juga 'satu pilihan' di bawah sistem politik demokrasi. Bagi yang membuang undi, mereka mahu kerajaan yang terbentuk itu adalah kerajaan berasaskan persetujuan ramai. Sekiranya parti pilihan mereka gagal membentuk kerajaan atau calon pilihan mereka gagal mendapat sokongan, mereka tetap akan 'hormati' keputusan yang telah ditentukan oleh masyarakat terbanyak. Dalam hal ini, mereka dilihat telah mencapai persamaan politik dalam amalan demokrasi. Demokrasi bertujuan untuk menjadikan setiap individu mempunyai rasa tanggungjawab dan sikap mengawal diri (Ramanathan 1999).

Jumlah pengundi yang keluar mengundi telah menunjukkan peningkatan setiap kali pilihan raya umum diadakan. Bagi peratusan pengundi yang membuang undi untuk pemilihan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi seluruh negeri Kelantan telah menunjukkan peningkatan sekata yang boleh dibanggakan sejak pilihan raya umum ke-9 pada tahun 1995 lagi. Ini terbukti berdasarkan analisis statistik yang dirujuk kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), di mana pada tahun 1995 pengundi yang membuang undi ialah sebanyak 75.73% telah meningkat kepada 76.75% pada pilihan raya umum ke-10 tahun 1999. Peratusan ini kemudiannya meningkat lagi kepada 80.06% pada pilihan raya umum ke-11 tahun 2004. Pada pilihan raya umum ke-12 tahun 2008 ini, sekali lagi pengundi di Kelantan berjaya menunaikan tanggungjawab mereka di mana jumlah pengundi yang keluar mengundi meningkat kepada 82.63%.

Peratusan pengundi yang keluar mengundi untuk pemilihan Ahli Parlimen bagi seluruh negeri Kelantan juga turut menunjukkan peningkatan yang membanggakan sejak akhir-akhir ini. Walaupun peratusan pengundi yang keluar mengundi telah menunjukkan sedikit penurunan dari pilihan raya

umum ke-9 pada tahun 1995 dengan kadar 77.18% kepada 76.95% pada pilihan raya umum ke-10 tahun 1999, jumlah ini kemudiannya meningkat kembali kepada 80.76% pada pilihan raya umum ke-10 tahun 2004. Pada pilihan raya umum ke-12 tahun 2008 lalu, peratusan yang keluar mengundi terus meningkat kepada 82.57%. Senario ini jelas membuktikan bahawa orang-orang Kelantan mampu menterjemahkan demokrasi dengan cara terbaik mungkin dalam budaya politik mereka. Jumlah pengundi yang keluar mengundi semakin meningkat dan banyak ini adalah salah satu elemen utama budaya politik partisipan yang dalam sistem demokrasi. Ini kerana kemuncak bagi pengaplikasian demokrasi ialah mengambil bahagian dalam pilihan raya dengan cara membuang undi bagi menentukan pembentukan kerajaan.

PERKARA-PERKARA YANG MENJEJASKAN DEMOKRASI DALAM BUDAYA POLITIK MASYARAKAT MELAYU KELANTAN

Dalam keghairahan berpolitik, bermacam-macam taktik telah digunakan bagi menarik sokongan dengan matlamat untuk mencapai kemenangan. Secara langsung ataupun tidak, penggunaan taktik dan pendekatan tertentu boleh menjejaskan idealisme demokrasi. Amalan politik wang ini dilihat sudah menjadi perkara biasa dalam dunia politik. Hakikatnya, amalan ini merupakan satu penyakit yang serius dan menafikan hak pihak-pihak tertentu. Hal sedemikian juga turut berlaku dalam persaingan politik di kalangan orang-orang Kelantan tidak kira pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang. Apa yang ketara, permainan politik wang seolah-olah sudah diasuh sejak pimpinan terdahulu lagi. Paling banyak menggunakan politik wang ialah calon-calon dari pihak pemerintah kerana mereka mempunyai sumber yang banyak. Tidak dapat dinafikan, penggunaan politik wang di kalangan calon pembangkang juga wujud tetapi bilangan mereka terhad kerana sumber yang terbatas.

Semasa tinjauan dilakukan, penulis mengunjungi beberapa markas dan pos-pos panas Barisan Nasional. Kunjungan penulis adalah bersama dengan beberapa 'orang kuat UMNO'. Apabila tiba di sesebuah markas ataupun pos panas, orang-orang kuat Barisan Nasional di situ akan bertanyakan '*peluru-peluru mana*'?, '*bekalan asap mana*'? Itu merupakan ungkapan yang cukup popular dan seringkali kedengaran apabila berada di pos-pos panas Barisan Nasional. Apa yang dimaksudkan dengan 'peluru' ialah wang manakala yang dimaksudkan dengan 'asap' ialah rokok. Menurut 'orang kuat UMNO', sekiranya mereka tidak dibekalkan dengan peluru dan asap, mereka tidak akan buat kerja sepertimana yang diamanahkan. Kerja tanpa peluru dan asap adalah kerja yang dilakukan sambil lewa dan mereka tidak mempunyai semangat untuk bekerja bagi kemenangan parti. Permasalahan ini menjejaskan pengamalan demokrasi yang perlu diberi perhatian serius oleh pihak yang bertanggungjawab.

Dalam pada itu, politik cantas-mencantas juga agak ketara berlaku dalam budaya politik masyarakat Melayu di Kelantan. Politik cantas-mencantas ini boleh berlaku dari dalam parti mahupun dengan parti lawan. Sekiranya mencantas parti lawan, itu adalah perkara wajar dalam dunia politik walaupun perkara ini boleh menjejaskan demokrasi. Apa yang menghairankan, politik cantas-mencantas ini turut berlaku dalam kalangan sesama ahli parti kerana kepentingan peribadi. Maklumat daripada temubual bersemuka yang dijalankan, terdapat 'orang kuat UMNO' yang telah 'membayar' ahli-ahli UMNO supaya mengundi pihak pembangkang dan menyalurkan bantuan kepada pihak lawan bagi memastikan calon Barisan Nasional tidak memenangi pilihan raya tersebut. Hal ini wujud

oleh kerana pertembungan kepentingan peribadi dan konflik jawatan antara dua individu dalam parti. Perkara sedemikian tidak sewajarnya berlaku dalam sistem politik demokrasi kerana ia mencabuli hak individu lain.

Terdapat juga isu-isu yang diketengahkan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat terbanyak. Kebebasan bersuara adalah hak individu dalam menterjemahkan demokrasi, akan tetapi kadang kala kebebasan bersuara ini telah disalah tafsirkan penggunaannya demi mencapai cita-cita politik. Penyalahgunaan kebebasan bersuara ini pasti menjejaskan demokrasi kerana boleh menggugat keharmonian dan kesejahteraan awam. Misalnya, terdapat sesetengah ahli politik menggunakan isu agama dalam berkempen dan memberi tazkirah di surau-surau. Isu yang disuarakan tersebut telah mengelirukan masyarakat terbanyak. Antara isu tersebut ialah *'sekiranya berzina, berdosa ketika melakukannya, sekiranya berjudi, juga berdosa ketika bermain judi, tetapi sekiranya mengundi Barisan Nasional berdosa selama lima tahun selagi mana orang yang diundi itu menjadi wakil rakyat'*. Persoalan agama ini seharusnya tidak dipermudahkan untuk menarik perhatian pengundi. Sebelum mengeluarkan sesuatu kenyataan, ianya harus diteliti secara terperinci supaya tidak menjejaskan pemahaman masyarakat terbanyak.

Di samping beberapa perkara yang diutarakan di atas, terdapat banyak lagi perkara-perkara yang menjejaskan pengamalan demokrasi dalam budaya politik masyarakat Melayu di negeri Kelantan. Antaranya ialah isu pengundi hantu, provokasi yang keterlaluan, isu perkauman, isu calon Menteri Besar Kelantan, persoalan hak asasi dan pelbagai lagi.

KESIMPULAN

Budaya politik orang-orang Melayu di Kelantan banyak dipengaruhi oleh cara hidup, pegangan dan latar belakang pendidikan mereka. Cara hidup yang ala kadar, pegangan yang kuat dan latar belakang pendidikan agama yang kukuh membentuk jati diri orang-orang Kelantan. Perkara-perkara yang sama juga turut mempengaruhi gelombang demokrasi yang dilihat berkembang semakin meluas sejak kebelakangan ini. Kepekaan dan keaktifan rakyatnya yang mengambil bahagian dalam politik cukup menarik perhatian para pengkaji politik. Kesedaran politik yang tinggi juga dilihat satu faktor yang mendorong orang-orang Kelantan suka bermain politik. Kedinamikan dan keunikan orang-orang Kelantan bermain politik menarik perhatian kerana Kelantan adalah negeri yang paling kerap menukar kerajaan dalam sejarah negara sejak pilihan raya umum pertama di Malaysia. Keadaan ini selaras dengan perkembangan sistem demokrasi yang membuka saluran lebih luas untuk mereka menyuarakan hak-hak dan memperjuangkan kepentingan mereka.

Gambaran penterjemahan demokrasi dalam budaya politik masyarakat Melayu di negeri Kelantan dapat dilihat dengan jelas dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Antara elemen utama ialah kebebasan bersuara, kebebasan berorganisasi, berpolitik malah hak untuk menyokong mana-mana parti atau calon pilihan mereka, penyertaan rakyat dalam proses pilihan raya, peratusan pengundi keluar mengundi dan isu-isu yang diketengahkan dalam menarik sokongan masyarakat terbanyak. Elemen-elemen demokrasi ini merealisasikan pembentukan kerajaan berdasarkan persetujuan majoriti. Pada masa yang sama, dalam kehangatan dan persaingan politik yang wujud, hak tetap individu dihormati dan keputusan ramai tetap disanjung.

NOTA AKHIR

- ¹ Beliau telah mengemukakan bukti kukuh yang menunjukkan terdapat hubungan langsung antara budaya politik dengan pembangunan ekonomi dan demokrasi. Keterangan lanjut sila lihat Seymour Martin Lipset (1981 : 27-63).
- ² Inkeles dan Diamond juga telah mengemukakan bukti yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan langsung di antara pembangunan ekonomi dan proses pendemokrasian sesebuah negara. Hubungan ini diukur melalui unsur-unsur dalam budaya politik seperti toleransi, kepercayaan, kecekapan dan kepuasan hati dengan KNK perkapita sesebuah negara. Keterangan lanjut sila lihat Alex Inkeles dan Diamond (1980 : 73-109).
- ³ Inglehart telah mengemukakan data-data kajian perbandingan yang dilakukan terhadap lebih daripada 20 buah negara Eropah. Keterangan lanjut sila lihat Ronald Inglehart (1990 : 45).
- ⁴ Selepas kemerdekaan, pandangan masyarakat Melayu terhadap politik telah berubah kesan langsung daripada pengalaman yang dilalui dan kepentingan

RUJUKAN

- Almond, Gabriel A. (1989). *The Intellectual History of the Civic Culture Concept*. Dalam Almond, Gabriel A. dan Verba, Sidney (eds.). *The Civic Culture Revisited*. London : Sage Publications
- Powell, G.B. (1966). *Comparative Politics : A Development Approach*. Boston : Little Brown.
- Verba, Sidney. (1963). *Civic Culture*. Boston : Little, Brown & Co
- Verba, Sidney. (1963). *The Civic Culture : Political Attitudes and Democracy in Five Nations*. Princeton, New Jersey : Princeton University Press
- Bollen, Kenneth A. (1981). "The Dimension of Democracy: Further Issues in the Measurement and Effects of Political Democracy", *American Sociological Review*, 46: 651-659
- Brown, Archie dan Gray, Jack. (1977). *Political Culture and Political Change in Communist States*. London : Macmillan Press
- Case, William. (1993). *Semi Democracy in Malaysia : Withstanding the Pressure for Regime Change*. Pacific Affairs.66
- Crouch, Harold. (1993). *Malaysia : Neither Authoritarian Nor Democratic*. Dalam Hewison, Kevin. Robinson, Richard dan Rodan, Gary. *Southeast Asia in 1990s : Authoritarianism, Democracy and Capitalism*. Sydney: Allen dan Unwin
- (1996). *Government and Society in Malaysia*. St. Leonards : Allen and Unwin
- Dahl, Robert. (1966). *Political Opposition in Western Democracies*. New Haven : Yale University Press
- (1992). *Demokrasi dan Para Pengkritiknya*. Penterjemah A. Rahman Zainuddin. Jakarta : Yayasan Obor Indonesia
- Diamond, Larry. (1993). *Introduction : Political Culture and Democracy*. Dlm. *Political Culture and Democracy in Developing Countries*. Boulder & London : Lynne Rienner Publishers
- Fadhilah Abdul Aziz. (1996). *Politik dan Demokrasi di Malaysia*. Dalam Yusof Ismail dan Khayati Ibrahim (pnyt.). *Politik Melayu dan Demokrasi*. Kuala Lumpur : A.S. Noordeen

- Hassan Harun. (1999). *Kelantan : Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*. Kuala Lumpur DD Mediaconsult Sdn. Bhd. Inglehart, Ronald. 1990. *Culture Shift in Advanced Industrial Countries*. Princeton : Princeton University Press
- Inkeles, Alex dan Diamond, Larry. (1980). Personal Qualities as a Reflection of Level of National Development. Dlm. Andrews, Frank dan Szalai, Alexander (pnyt.). *Comparative Studies in the Quality of Life*. London : Sage Publications
- K. Ramanathan. (1999). *Asas Sains Politik*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Kavanagh, Dennis. (1976). *Political Culture*. London : The Macmillan Press
- Lipset, S. Martin. (1981). *Economic Development and Democracy*. Dalam Political Man : *The Social Bases of Politics*. Baltimore : Johns Hopkins University Press
- Lively, Jack. (1975). *Democracy*. New York : St. Martin's Press
- M. Thambirajah. (1979). *Malaysia Dalam Sejarah III*. Kuala Lumpur : Federal Publication
- Mohamad Daud Mohamad. (1999). *Sikap dan Pemikiran Politik Masyarakat Melayu*. Dewan Budaya, Oktober: 11-14
- Mohammad Agus Yusoff. (1995). *Perkembangan dan Perubahan Sosio-Politik Kelantan 1955 1995*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ozbudun, Ergun. (1993). State Elites and Democratic Political Culture in Turkey. Dlm. Diamond, Larry (pnyt.). *Political Culture and Democracy in Developing Countries*. Colorado Lynne Reinner Publishers
- Pye, Lucian W. (1965). Introduction : Political Culture and Political Development. Dlm. Pye, Lucian W. & Verba, Sidney (pnyt.). *Political Culture and Political Development*. Princeton : Princeton University Press
- Rosenbaum, Walter A. (1975). *Political Culture*. Thomas Nelson & Sons Ltd
- Verba, Sidney. (1965). Comparative Political Culture. Dlm. Pye, Lucian W. & Verba, Sidney (pnyt.). *Political Culture and Political Development*. Princeton : Princeton University Press.
- Yahaya Ismail. (1986). *Kekuasaan dan Ketuanan Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dinamika Kreatif Sdn. Bhd
- Zakaria Ahmad. (1989). Malaysia : Quasi Democracy in a Devided Society. Dalam Diamond, Linz dan Lipset. *Democracy in Asia*. Vol. 3, Boulder, Colorado : Lynne Reinner